




**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PERUMAHAN DAN  
HARTANAH SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia serta Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001, saya juga melaporkan perkara berikut:


- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
(THOMAS ANAK PAUL BILUN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

SHAH ALAM  
11 SEPTEMBER 2019




# LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

## PENYATA AHLI-AHLI PENGARAH

Para Ahli-Ahli Pengarah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Pengarah,



YANG AMAT BERHORMAT TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
Pengerusi



DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
Timbalan Pengerusi

Shah Alam

Bertarikh : 7 Mei 2019

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, NAZMI BIN OSMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama  
di atas NAZMI BIN OSMAN  
di Petaling Jaya dalam Negeri Selangor  
pada 7 Mei 2019

)  
)  
)  
)



NAZMI BIN OSMAN

Di hadapan saya,



Pesuruhjaya Sumpah

Suite 607, 6th Floor,  
Block E, Phileo Damansara 1,  
9, Jalan 16/11,  
Off Jalan Damansara,  
46350 Petaling Jaya, Selangor

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

|   | Nota | KUMPULAN           |                    | LEMBAGA            |                    |
|---|------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|   |      | 2018<br>RM         | 2017<br>RM         | 2018<br>RM         | 2017<br>RM         |
| <b>ASET BUKAN SEMASA :</b>                |      |                    |                    |                    |                    |
| Hartanah, loji dan peralatan              | 5    | 809,812            | 621,601            | 742,202            | 538,822            |
| Hartanah pelaburan                        | 6    | 48,350,952         | 42,106,733         | 48,350,952         | 42,106,733         |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari       | 7    | -                  | -                  | 2,990,030          | 2,783,172          |
| Kerja dalam pembinaan                     | 8    | 84,260,307         | 62,982,659         | 84,260,307         | 62,982,659         |
| <b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>           |      | <b>133,421,071</b> | <b>105,710,993</b> | <b>136,343,491</b> | <b>108,411,386</b> |
| <b>ASET SEMASA :</b>                      |      |                    |                    |                    |                    |
| Dagangan dan penghutang lain              | 9    | 5,458,997          | 4,605,698          | 5,280,219          | 4,571,279          |
| Jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari | 10   | -                  | -                  | 18,758,025         | 21,127,203         |
| Tunai dan kesetaraan tunai                | 11   | 432,350,726        | 363,690,447        | 404,916,993        | 334,774,451        |
| <b>JUMLAH ASET SEMASA</b>                 |      | <b>437,809,723</b> | <b>368,296,145</b> | <b>428,955,237</b> | <b>360,472,933</b> |
| <b>JUMLAH ASET</b>                        |      | <b>571,230,794</b> | <b>474,007,138</b> | <b>565,298,728</b> | <b>468,884,319</b> |
| <b>LIABILITI BUKAN SEMASA :</b>           |      |                    |                    |                    |                    |
| Pendapatan geran tertunda                 |      | 46,611,775         | 43,714,674         | 46,611,775         | 43,714,674         |
| Cukai tertunda                            |      | 8,552              | 8,552              | -                  | -                  |
| <b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>      |      | <b>46,620,327</b>  | <b>43,723,226</b>  | <b>46,611,775</b>  | <b>43,714,674</b>  |
| <b>LIABILITI SEMASA :</b>                 |      |                    |                    |                    |                    |
| Dagangan dan pemiutang lain               | 12   | 9,142,910          | 9,394,336          | 3,233,746          | 4,257,077          |
| Akaun Amanah                              | 13   | 398,663,731        | 314,371,456        | 398,663,731        | 314,371,456        |
| Peruntukan cukai                          |      | 14,350             | (23,000)           | -                  | -                  |
| <b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>            |      | <b>407,820,991</b> | <b>323,742,792</b> | <b>401,897,477</b> | <b>318,628,533</b> |
| <b>JUMLAH LIABILITI</b>                   |      | <b>454,441,318</b> | <b>367,466,018</b> | <b>448,509,252</b> | <b>362,343,207</b> |
| <b>Aset Bersih</b>                        |      | <b>116,789,476</b> | <b>106,541,120</b> | <b>116,789,476</b> | <b>106,541,112</b> |
| <b>ASET BERSIH :</b>                      |      |                    |                    |                    |                    |
| Keuntungan terkumpul                      |      | 116,789,476        | 106,541,120        | 116,789,476        | 106,541,112        |
| <b>JUMLAH ASET BERSIH</b>                 |      | <b>116,789,476</b> | <b>106,541,120</b> | <b>116,789,476</b> | <b>106,541,112</b> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi daripada penyata kewangan ini



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

|  | Nota | KUMPULAN          |                   | LEMBAGA           |                   |
|--|------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|  |      | 2018<br>RM        | 2017<br>RM        | 2018<br>RM        | 2017<br>RM        |
| Pendapatan                                 | 14   | 8,828,405         | 9,799,136         | 7,104,909         | 7,104,909         |
| Pendapatan operasi yang lain               | 15   | 36,325,287        | 27,873,076        | 36,429,287        | 28,844,494        |
| Perbelanjaan pentadbiran                   | 16   | 11,741,926        | 12,283,653        | 10,205,477        | 10,582,501        |
| Perbelanjaan operasi yang lain             | 17   | <u>23,080,355</u> | <u>20,155,622</u> | <u>23,080,355</u> | <u>20,155,622</u> |
| KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI<br>PERDAGANGAN |      | 10,331,411        | 5,232,937         | 10,248,364        | 5,211,280         |
| Cukai                                      | 18   | 83,055            | 21,657            | -                 | -                 |
| KEUNTUNGAN TAHUN KEWANGAN                  |      | <u>10,248,356</u> | <u>5,211,280</u>  | <u>10,248,364</u> | <u>5,211,280</u>  |

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

|                            | Keuntungan<br>Terkumpul /<br>Aset Bersih<br>RM |
|----------------------------|--|
| KUMPULAN                   |  |
| Baki pada 1 Januari 2017   | 101,329,840                                    |
| Keuntungan tahun kewangan  | 5,211,280                                      |
| Baki pada 31 Disember 2017 | <u>106,541,120</u>                             |
| Baki pada 1 Januari 2018   | 106,541,120                                    |
| Keuntungan tahun kewangan  | 10,248,356                                     |
| Baki pada 31 Disember 2018 | <u>116,789,476</u>                             |
| LEMBAGA                    |  |
| Baki pada 1 Januari 2017   | 101,329,832                                    |
| Keuntungan tahun kewangan  | 5,211,280                                      |
| Baki pada 31 Disember 2017 | <u>106,541,112</u>                             |
| Baki pada 1 Januari 2018   | 106,541,112                                    |
| Keuntungan tahun kewangan  | 10,248,364                                     |
| Baki pada 31 Disember 2018 | <u>116,789,476</u>                             |

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

|  | Nota | KUMPULAN            |                     | LEMBAGA             |                     |
|--|------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
|  |      | 2018<br>RM          | 2017<br>RM          | 2018<br>RM          | 2017<br>RM          |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>                      |      |                     |                     |                     |                     |
| Keuntungan sebelum cukai   |      | 10,331,411          | 5,232,937           | 10,248,364          | 5,211,280           |
| Pelarasan untuk :  |      |                     |                     |                     |                     |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan                            |      | 221,392             | 197,430             | 200,443             | 158,713             |
| Susutnilai hartanah pelaburan                                      |      | 1,035,801           | 890,192             | 1,035,801           | 890,192             |
| Pembalikan rosotnilai kerugian pelaburan dalam syarikat subsidiari |      | -                   | -                   | (206,858)           | (1,034,108)         |
| Keuntungan pelupusan aset  |      | (26,999)            | -                   | (26,999)            | -                   |
| Kerugian pelupusan aset  |      | 35,260              | -                   | 35,260              | -                   |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja                   |      | <u>11,596,865</u>   | <u>6,320,559</u>    | <u>11,286,011</u>   | <u>5,226,077</u>    |
| (Peningkatan) / Penurunan dalam dagangan dan penghutang lain       |      | (853,299)           | 135,831             | (708,940)           | 148,771             |
| Peningkatan / (Penurunan) dalam dagangan dan pemiutang lain        |      | (251,426)           | (21,761,569)        | (1,023,331)         | (24,944,933)        |
| Aliran Tunai Daripada Operasi                                      |      | (1,104,725)         | (21,625,738)        | (1,732,271)         | (24,796,162)        |
| Bayaran balik cukai  |      | 10,012              | 10,013              | -                   | -                   |
| Cukai yang dibayar   |      | (55,717)            | (33,388)            | -                   | -                   |
| Tunai Bersih Dijana / (Digunakan) Daripada Aktiviti Operasi        |      | <u>10,446,435</u>   | <u>(15,328,554)</u> | <u>9,553,740</u>    | <u>(19,570,085)</u> |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>                    |      |                     |                     |                     |                     |
| Terimaan penjualan hartanah, loji dan peralatan                    |      | 33,159              | -                   | 33,159              | -                   |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan                             | 5    | (451,023)           | (61,851)            | (445,243)           | (45,030)            |
| Pembelian hartanah pelaburan                                       | 6    | (7,280,020)         | (24,456,827)        | (7,280,020)         | (24,456,827)        |
| Kerja dalam pembinaan  | 8    | (21,277,648)        | (21,343,846)        | (21,277,648)        | (21,343,846)        |
| Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan                    |      | <u>(28,975,532)</u> | <u>(45,862,524)</u> | <u>(28,969,752)</u> | <u>(45,845,703)</u> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi daripada penyata kewangan ini

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018  
(Sambungan)

|  | Nota | KUMPULAN           |                    | LEMBAGA            |                    |
|--|------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
|  |      | 2018<br>RM         | 2017<br>RM         | 2018<br>RM         | 2017<br>RM         |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA<br/>AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>                 |      |                    |                    |                    |                    |
| Akaun Amanah   |      | 84,292,275         | 31,134,980         | 84,292,275         | 31,134,980         |
| Jumlah terhutang oleh syarikat<br>subsidiari                         |      | -                  | -                  | 2,369,178          | 3,995,429          |
| Penerimaan geran pembangunan   |      | 25,746,047         | 16,708,419         | 25,746,047         | 16,708,419         |
| Penggunaan geran tertunda  |      | (22,848,946)       | (9,716,274)        | (22,848,946)       | (9,716,274)        |
| Tunai Bersih Dijana Daripada<br>Aktiviti Pembiayaan                  |      | <u>87,189,376</u>  | <u>38,127,125</u>  | <u>89,558,554</u>  | <u>42,122,554</u>  |
| Peningkatan / (Penurunan) bersih<br>dalam tunai dan kesetaraan tunai |      | 68,660,279         | (23,063,953)       | 70,142,542         | (23,293,234)       |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada<br>awal tahun kewangan               |      | 363,690,447        | 386,754,400        | 334,774,451        | 358,067,685        |
| <b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI<br/>PADA AKHIR TAHUN<br/>KEWANGAN</b>  |      | <u>432,350,726</u> | <u>363,690,447</u> | <u>404,916,993</u> | <u>334,774,451</u> |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi daripada penyata kewangan ini

## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

#### 1. MAKLUMAT AM

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001 dan telah diwartakan pada 20 Disember 2001. Lembaga telah memulakan operasi sepenuhnya pada 1 Mac 2002 dan telah berkuatkuasa pada 1 Jun 2002.

Alamat berdaftar Lembaga adalah di Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Kegiatan utama Lembaga adalah menggalakkan dan melaksanakan pembangunan perumahan dan hartanah secara khusus untuk :-

- a) Memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah;
- b) Memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah secara am dan secara khusus perumahan awam dan kos rendah;
- c) Melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar, arahan atau perintah Pihak Berkuasa Negeri;
- d) Membangun, menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, panduan-panduan, piawai-piawai, cara-cara dan langkah-langkah mengenai pembangunan, pengurusan dan peruntukan perumahan awam dan kos rendah;
- e) Menjalankan peranan penyelarasan antara agensi untuk membolehkan kemajuan dan pelaksanaan perumahan dan hartanah secara pesat;
- f) Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan, pelaksanaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah;
- g) Membolehkan penubuhan dan operasi tabung-tabung amanah dan untuk meletak hak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti di tabung-tabung itu;
- h) Mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan kawasan-kawasan perumahan termasuk kemudahan, infrastruktur, tempat-tempat dan alat-alat di kawasan tersebut;
- i) Menggalakkan, menyelaraskan dan melaksanakan kajian dan pembangunan di dalam semua aspek perumahan dan hartanah dan secara khusus mengenai perumahan awam dan kos rendah;
- j) Mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang;

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

1. MAKLUMAT AM (Sambungan)

- k) Menjadi pusat sumber dan maklumat untuk industri perumahan dan hartanah; *dan*
- l) Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan bagi Lembaga untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang mana segala dasar-dasar dan polisi-polisi perakaunan Lembaga adalah mengikut piawaian MPERS tersebut.

Syarikat subsidiari menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta Akta Syarikat 2016 bagi penyediaan penyata kewangan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada RM yang terhampir kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

b) Asas Penyatuan Perakaunan

Penyata Kewangan Kumpulan terdiri daripada Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) (syarikat induk) dan Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) (syarikat subsidiari) yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Transaksi antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan menunjukkan urusniaga dengan pihak luar sahaja. Dasar perakaunan syarikat subsidiari telah diselaraskan di mana perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

c) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari ialah sebuah syarikat di mana Lembaga menguasai pegangan 100% dalam ekuiti jangka panjang dan mempunyai pengaruh penting dalam pengurusan. Pelaburan di dalam syarikat subsidiari adalah dinyatakan pada asas kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

d) Hartanah, Loji Dan Peralatan

i) Pengiktirafan dan pengukuran

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Kos untuk sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada mulanya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk ianya beroperasi dengan cara yang dicadangkan oleh pihak pengurusan.

Semua pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tempoh kewangan di mana ianya terjadi.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan nilai perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tempoh kewangan di mana ianya terjadi.

ii) Susutnilai dan kerugian

Susutnilai dikira mengikut kaedah garislurus berdasarkan jangkamasa penggunaan harta-harta tersebut. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan pada setiap tahun tanpa mengambil kira tarikh belian.

Anggaran jangka hayat adalah seperti berikut :-

| <i>Jenis Hartanah, Loji dan Peralatan</i> | <i>Jangka Hayat</i> |
|---|---------------------|
| Alat kelengkapan                          | 10 tahun            |
| Kenderaan                                 | 5 tahun             |
| Alat kelengkapan fotografi                | 3 – 5 tahun         |
| Pengubahsuaian                            | 10 tahun            |

Hartanah, loji dan peralatan yang telah disusutnilaikan sepenuhnya masih lagi dinyatakan di dalam akaun dan digunapakai oleh Lembaga sehingga hartanah, loji dan peralatan tersebut dilupuskan.

## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

#### e) Hartanah Pelaburan

Lembaga mengiktiraf tanah dan bangunan yang dibeli serta dipegang untuk jangkamasa sepuluh (10) tahun sebagai hartanah pelaburan bagi tujuan untuk meningkatkan modal, memperolehi pendapatan sewaan atau kedua-duanya sekiranya dalam tempoh tersebut, tanah dan bangunan berkenaan tidak dijual.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada asas kos ditolak susutnilai terkumpul yang mana ianya terdiri daripada harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung yang ditanggung untuk membawa harta itu kepada lokasi dan keadaan yang diperiukan untuk ianya beroperasi dengan cara yang dicadangkan oleh pihak pengurusan sebagai hartanah pelaburan.

Susutnilai dikira mengikut kaedah garislurus dan pengiktirafan susutnilai atas hartanah dilakukan pada setiap tahun tanpa mengambil kira tarikh belian.

Anggaran jangka hayat adalah selama 50 tahun.

#### f) Kerja Dalam Pembinaan

Kerja dalam pembinaan adalah merupakan pembelian hartanah Bumiputera yang dibuat oleh Lembaga dan syarikat subsidiari di mana hartanah yang dibeli masih lagi dalam proses pembinaan (*Construction-In-Progress*). Bayaran yang dibuat merupakan bayaran secara berperingkat mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan dalam dokumen Perjanjian Jual Beli.

#### g) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, di bank dan deposit dengan bank/ institusi kewangan mudah cair di mana risiko perubahan pada nilai saksama adalah rendah serta tempoh asal kematangan adalah pada tiga (3) bulan atau kurang.

#### h) Geran Kerajaan

Geran kerajaan merupakan peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai operasi Lembaga. Tiada syarat dikenakan untuk menuntut geran ini dibayar semula kepada Kerajaan Negeri.

Geran ini diiktiraf sebagai pendapatan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif pada tahun kewangan untuk dipadankan dengan perbelanjaan yang berkaitan berdasarkan asas terimaan.



## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

#### i) Pengiktirafan Pendapatan

- i) Pendapatan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas terimaan sepanjang tahun;
- ii) Pendapatan yang diterima selepas jam 12.00 tengahari pada 31 Disember 2018 direkodkan sebagai pendapatan Tahun 2019;
- iii) Pendapatan daripada sewaan rumah, kedai dan gerai bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Baru HICOM diuruskan oleh syarikat subsidiari. Pendapatan untuk bulan Oktober hingga Disember 2018 telah diterima pada bulan Januari dan Mac 2019 yang mana ianya direkodkan sebagai pendapatan akruan Tahun 2018;
- iv) Pendapatan daripada keuntungan (faedah) pelaburan simpanan tetap yang matang pada Januari, Februari dan April 2019 akan diambil kira sebagai pendapatan akruan Tahun 2018 bagi tempoh bermulanya pelaburan dibuat sehingga 31 Disember 2018. Bagi baki keuntungan yang diperolehi dari 1 Januari 2019 sehingga ke tempoh matang pelaburan, pendapatan akan diiktiraf sebagai terimaan bagi tahun 2019;
- v) Pendapatan bagi aktiviti projek pembangunan daripada peruntukan geran yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah berasaskan kepada permohonan sahaja. Pendapatan yang diterima untuk aktiviti yang berlangsung selepas tahun kewangan akan diambil kira sebagai Pendapatan Geran Tertunda pada Penyata Kedudukan Kewangan; *dan*
- vi) Hibah diiktiraf sebagai pendapatan Lembaga yang merupakan keuntungan simpanan akaun semasa daripada CIMB Bank Berhad berdasarkan asas-asas terimaan.

#### j) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

#### k) Peruntukan Cukai Pendapatan

Tiada peruntukan cukai pendapatan yang dikenakan kepada Lembaga kerana telah mendapat pengecualian cukai pendapatan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri selaras dengan Perintah Cukai Pendapatan (PCP) (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

l) Pelbagai Penghutang, Deposit dan Pendahuluan

Pelbagai penghutang, deposit dan pendahuluan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian ke atas amaun yang belum dijelaskan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

m) Pelbagai Pemiutang dan Akruan

Pelbagai pemiutang dan akruan dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan yang perlu dibayar di masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

n) Instrumen Kewangan

i) Pengiktirafan awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi, kos urusniaga dicajkan kepada penyata untung atau rugi apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

ii) Pengukuran berikutnya

Keuntungan dan kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif :-

- a) Pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- b) Tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; *dan*

## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

#### n) Instrumen Kewangan (Sambungan)

##### ii) Pengukuran berikutnya (sambungan)

- c) Pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilai pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

#### Kemerosotan aset kewangan

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata untung atau rugi, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Syarikat akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila ia berlaku.

Kerugian rosotnilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

n) Instrumen Kewangan (Sambungan)

iii) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuaian yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

o) Kerosotan nilai aset bukan kewangan

Jumlah dibawa bagi aset bukan kewangan (tidak termasuk inventori, aset cukai tertunda, hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama dan aset biologi) akan dikaji semula pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kerosotan nilai. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun yang boleh diperolehi semula aset tersebut akan dianggarkan.

Bagi tujuan pengujian kerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama-sama ke dalam kumpulan terkecil aset yang menghasilkan aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aliran masuk tunai aset lain atau unit penjanaan tunai.

Amaun boleh pulih daripada aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai yang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai semasa mereka menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau unit penjanaan tunai melebihi amaun anggaran yang boleh diperolehi semula.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

o) Kemosotan nilai aset bukan kewangan (Sambungan)

Kerugian kemosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ia memterbalikkan semula penilaian semula sebelumnya di mana ia akan dicaj dalam lebihan penilaian semula. Kerugian kemosotan berhubung muhibah tidak diterbalikkan. Kerugian kemosotan lain yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu dinilai pada setiap akhir tempoh pelaporan untuk sebarang tanda bahawa kerugian telah menurun atau tidak lagi wujud. Kerugian kemosotan diterbalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang dapat diperolehi semula sejak kerugian kemosotan nilai terakhir diiktiraf. Kerugian kemosotan diterbalikkan setakat amaun dibawa aset yang akan ditentukan, selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosotnilai telah diiktiraf. Pembalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke untung atau rugi melainkan jika ia memterbalikkan kerugian rosotnilai ke atas aset yang dinilai semula di mana ia dibawa ke rizab penilaian semula pada tahun kewangan di mana pembalikan diiktiraf.

p) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Syarikat mempunyai kewajipan semasa akibat peristiwa lalu dan kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut, dan anggaran yang boleh dipercayai dari jumlah tersebut boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Jika kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan.

q) Manfaat Pekerja

i) Manfaat jangka pendek

Gaji, upah, bantuan imbuhan tahunan khas, gantian cuti rehat dan ganjaran diiktiraf sebagai belanja dalam tahun pekerja berkhidmat kepada Lembaga. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf di mana perkhidmatan pekerja akan meningkatkan hak kepada cuti berbayar pada masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf ketika cuti tersebut terjadi;

ii) Pelan caruman jelas

Seperti yang dinyatakan syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Caruman diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila berlaku; *dan*

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

q) Manfaat Pekerja (Sambungan)

iii) Caruman pencen

Seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Malaysia di bawah Akta Pencen 1980, caruman pencen hendaklah diberikan kepada seseorang pekerja yang telah mendapat taraf berpencen. Caruman diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila berlaku.

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan memerlukan para Pengarah membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luarjangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, para Pengarah juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik para Pengarah peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang memberi kesan kepada aplikasi polisi-polisi perakaunan kepada Syarikat dan pendedahan, dan mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada penyata kewangan adalah seperti berikut :-

a) Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garisan lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam tahap penggunaan yang dijangka boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset tersebut, maka caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

Syarikat menjangkakan bahawa nilai baki hartanah, loji dan peralatan mereka akan menjadi tidak begitu ketara. Hasilnya, nilai sisa tidak diambil kira bagi pengiraan amaun susut nilai.

b) Cukai Pendapatan

Terdapat sesetengah urusan niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad mungkin berbeza daripada anggaran awal. Syarikat mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tersebut akan menjadi kena dibayar operasi perjalanan biasa perniagaan dan kefahamannya terhadap undang-undang cukai semasa. Sekiranya kesudahan perkara-perkara ini berbeza daripada jumlah awal yang telah diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

4. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (Sambungan)

c) Rosotnilai aset bukan kewangan

Apabila amaun boleh pulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai dalam kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, pihak pengurusan adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

d) Rosotnilai dagangan dan lain-lain terimaan

Kerugian rosotnilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan adalah terjejas. Pengurusan khusus aset-aset kewangannya pinjaman dan belum terima ulasan dan analisis sejarah hutang lapuk, pelanggan, pelanggan kredit, arah-aliran ekonomi semasa dan perubahan dalam pembayaran syarat apabila membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan dalam elaun kerugian rosot nilai. Sekiranya terdapat bukti objektif rosotnilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima.

e) Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan dan liabiliti tertentu

Syarikat merekodkan sesetengah aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika Syarikat menggunakan kaedah penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjejaskan untung dan/atau ekuiti.

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Enakmen No. 14 Tahun 2001)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN

|  | Alat<br>Kelengkapan | Alat<br>Kelengkapan<br>Fotografi | Kenderaan | Pengubahsuaian | Jumlah    |
|--|---------------------|----------------------------------|-----------|----------------|-----------|
|  | RM                  | RM                               | RM        | RM             | RM        |
| <i>Nilai kasar :</i>                       |                     |                                  |           |                |           |
| Pada 1 Januari 2018                        | 1,298,981           | 38,320                           | 951,603   | 26,335         | 2,315,239 |
| Tambahan                                   | 315,703             | -                                | 135,320   | -              | 451,023   |
| Pelupusan                                  | (156,053)           | -                                | (151,237) | -              | (307,290) |
| Pada 31 Disember 2018                      | 1,458,631           | 38,320                           | 935,686   | 26,335         | 2,458,972 |
| <i>Susutnilai terkumpul dan rosotnilai</i> |                     |                                  |           |                |           |
| Pada 1 Januari 2018                        | 752,024             | 28,683                           | 902,396   | 10,535         | 1,693,638 |
| Susutnilai tahun kewangan                  | 137,744             | 4,745                            | 76,269    | 2,634          | 221,392   |
| Pelupusan                                  | (114,634)           | -                                | (151,236) | -              | (265,870) |
| Pada 31 Disember 2018                      | 775,134             | 33,428                           | 827,429   | 13,169         | 1,649,160 |
| Nilai Buku Bersih pada<br>31 Disember 2018 | 683,497             | 4,892                            | 108,257   | 13,166         | 809,812   |
| <i>Nilai kasar :</i>                       |                     |                                  |           |                |           |
| Pada 1 Januari 2017                        | 1,251,510           | 23,940                           | 951,603   | 26,335         | 2,253,388 |
| Tambahan                                   | 47,471              | 14,380                           | -         | -              | 61,851    |
| Pada 31 Disember 2017                      | 1,298,981           | 38,320                           | 951,603   | 26,335         | 2,315,239 |
| <i>Susutnilai terkumpul dan rosotnilai</i> |                     |                                  |           |                |           |
| Pada 1 Januari 2017                        | 630,013             | 23,902                           | 834,392   | 7,901          | 1,496,208 |
| Susutnilai tahun kewangan                  | 122,011             | 4,781                            | 68,004    | 2,634          | 197,430   |
| Pada 31 Disember 2017                      | 752,024             | 28,683                           | 902,396   | 10,535         | 1,693,638 |
